

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
RAYUAN JENAYAH NO. D-05-68-06

ANTARA

PENDAKWA RAYA

... PERAYU

DAN

1. MR. LOSALI
2. MISS CHEPATCHANEE

... RESPONDEN-
RESPONDEN

[Dalam Perkara Perbicaraan Jenayah Bil. 45-04-2004

Dalam Mahkamah Tinggi Malaya DiKota Bharu

ANTARA

PENDAKWA RAYA

DAN

1. MR. LOSALI
2. MR. ROHING
3. MOHAMED BIN AWANG
4. MISS CHEPATCHANEE]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
RAYUAN JENAYAH NO. D-05-126-06

ANTARA

MOHAMED BIN AWANG

... PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA

... RESPONDEN

[Dalam Perkara Perbicaraan Jenayah Bil. 45-04-2004
Dalam Mahkamah Tinggi Malaya DiKota Bharu

ANTARA

PENDAKWA RAYA

DAN

1. MR. LOSALI
2. MR. ROHING
3. MOHAMED BIN AWANG
4. MISS CHEPATCHANEE]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA

RAYUAN JENAYAH NO. D-05-127-06

[Dalam Perkara Kes Perbicaraan Jenayah Di Mahkamah Tinggi Di

Kota Bharu No. 45-4-2004]

ANTARA

MR. ROHING

... PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA

... RESPONDEN

CORAM: RAUS SHARIF, J.C.A.
SULONG MATJERAIE, J.C.A.
ABU SAMAH NORDIN, J.C.A.

PENGHAKIMAN MAHKAMAH

1. Mr. Losali (“Tertuduh Pertama”), Mr. Rohing (“Tertuduh Kedua”), Mohamed bin Awang (“Tertuduh Ketiga”) dan Miss Chepatchanee (“Tertuduh Keempat”) telah dituduh atas dua pertuduhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (“ADB”) dibaca bersama dengan seksyen 34 Kanun Keseksaan.

2. Pertuduhan-pertuduhan berbunyi seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

“Bahawa kamu pada 4 Jun 2003 jam lebih kurang 11.15 malam bertempat di hadapan kedai di Kilometer 1, Jalan Tanah Merah-Pasir Mas, di dalam Jajahan Tanah Merah, di dalam Negeri Kelantan, bagi mencapai niat bersama di dapati mengedar dadah berbahaya cannabis berat bersih 14,964.5 gram. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan.”

Pertuduhan Kedua

“Bahawa kamu pada 4 Jun 2003 jam lebih kurang 11.15 malam bertempat di hadapan kedai di Kilometer 1, Jalan Tanah Merah-Pasir Mas, di dalam Jajahan Tanah Merah, di dalam Negeri Kelantan, bagi mencapai niat bersama di dapati memiliki dadah berbahaya heroin berat bersih 7.94 gram. Oleh yang demikian itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama dan dibaca bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan.”

3. Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana (“Hakim Bicara”) telah melepaskan dan membebaskan Tertuduh Pertama dan Keempat. Manakala Tertuduh Kedua dan Ketiga telah diperintahkan untuk membela diri.
4. Di akhir kes pembelaan, Tertuduh Kedua dan Ketiga telah didapati bersalah dan disabitkan ke atas kedua-dua pertuduhan.
5. Tertuduh Pertama dan Kedua telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di atas pertuduhan pertama. Untuk

pertuduhan kedua, mereka masing-masing telah dihukum penjara selama tiga tahun mulai dari tarikh mereka ditangkap.

6. Pihak pendakwa telah merayu terhadap pembebasan dan pelepasan Tertuduh Pertama dan Keempat. Tertuduh Kedua dan Ketiga pula merayu atas sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadap mereka.

7. Pada 1 Jun 2006, kami telah mendengar rayuan-rayuan tersebut bersekali. Kami sebulat suara:

7.1 Membenarkan rayuan Pendakwa Raya terhadap Tertuduh Pertama. Perintah Hakim Bicara yang membebas dan melepaskan Tertuduh Pertama diketepikan. Tertuduh Pertama diperintahkan untuk membela diri di atas kedua-dua pertuduhan. Adalah juga diperintahkan supaya pembelaan Tertuduh Pertama didengar di hadapan Hakim Bicara yang sama;

7.2 Menolak rayuan Pendakwa Raya terhadap Tertuduh Keempat. Perintah Hakim Bicara membebas dan melepaskan Tertuduh Keempat dikekalkan; dan

7.3 Menolak rayuan Tertuduh Kedua dan Ketiga. Sabitan dan hukuman mereka di atas kedua-dua pertuduhan dikekalkan.

Kes Pendakwaan

8. Kes pendakwaan mudah sahaja. Pada 11 April 2003, Sjn Major Busra bin Abd. Kadir (SP5) dan Ketua Inspektor Ahmad Yanee bin Nasir (SP6) yang bertugas di Jabatan Narkotik IPK Perak telah melaporkan diri kepada Ketua Jabatan Narkotik, IPK Kelantan untuk bertindak sebagai penyamar sulit dalam suatu operasi pengedaran dadah. Operasi dibuat berdasarkan maklumat yang diterima.
9. Pada 14 April 2003, SP5 dan SP6 telah berjumpa dengan sumber. Sumber telah memperkenalkan SP5 dan SP6 kepada seorang yang dikenali sebagai Tok Uban, iaitu Tertuduh Pertama. Di pertemuan itu, Tertuduh Pertama telah menyatakan kesanggupannya untuk membekalkan kepada SP5 sebanyak 30 kilogram ganja dengan harga RM1,300.00 sekilogram.
10. Kemudiannya, pada 3 Jun 2003, kira-kira tujuh minggu selepas pertemuan itu, SP5 telah dihubungi oleh Tertuduh Pertama melalui telefon bahawa dadah yang dijanjikan telah ada dalam simpanannya. Banyaknya, 40 kilogram dan harganya RM1,500.00 sekilogram. Tertuduh Pertama meminta SP5 datang ke Kelantan.
11. Pada keesokan harinya, iaitu 4 Jun 2003, SP5 dan SP6 telah pergi ke IPK Kelantan dan mentaklimatkan perkembangan itu

kepada ASP Umar Ali Saifuddin (SP7). SP5 dan SP6 kemudiannya telah diberikan “duit tunjuk” sebanyak RM30,000.00. Selepas itu, SP5 dan SP6 telah berlepas ke Rantau Panjang dengan kereta Proton Perdana DAJ 3809 dan bertemu dengan Tertuduh Pertama di perhentian teksi Rantau Panjang pada lebih kurang jam 6.00 petang.

12. Dalam pertemuan itu, Tertuduh Pertama telah memperkenalkan kepada SP5 dan SP6 Tertuduh Kedua, dan seorang lelaki lain bernama Yusof. Tertuduh Kedua telah memberitahu SP5 dia hanya boleh membekalkan 15 kilogram ganja pada harga RM1,500.00 sekilogram, dan pada masa yang sama turut menawarkan heroin sebanyak 15 botol dengan harga RM900.00 sebotol. SP5 bersetuju dan meminta Tertuduh Pertama dan Kedua menghantarkan bekalan itu di tempat dia menginap di Kota Bharu.
13. Pada jam 8.30 malam, SP5 telah menerima panggilan telefon daripada Tertuduh Pertama memberitahu bahawa dia tidak dapat hantarkan bekalan ke Kota Bharu dan sebaliknya telah meminta SP5 dan SP6 datang ke stesyen minyak Esso di Tanah Merah jam 11.30 malam. Jadi SP5 dan SP6 telah pergi ke stesyen minyak Esso tersebut dan sampai di sana kira-kira jam 10.30 malam. Di situ, SP5 dan SP6 telah diperkenalkan oleh Tertuduh Pertama dan Kedua kepada Tertuduh Ketiga.

14. Di pertemuan itu, SP5 telah bertanyakan mengenai barang yang dijanjikan. Tertuduh Ketiga memintanya menunggu di situ untuk dia pergi mengambilnya. Tidak lama kemudian Tertuduh Ketiga telah tiba semula ke stesyen minyak Esso itu dengan menaiki kereta Proton Saga ACF 4588 bersama-sama seorang perempuan, iaitu Tertuduh Keempat.
15. Berikutnya, Tertuduh Ketiga telah meminta SP5 mengikutinya keretanya dari belakang. Tertuduh ketiga memandu kereta Proton Saga ACF 4588 berseorangan. Tertuduh Pertama, Kedua dan Keempat naik bersama-sama SP5 dan SP6 dalam kereta Proton Perdana SP5. Kira-kira 1 kilometer kemudian mereka telah berhenti di suatu deretan warung dan berkumpul di salah sebuah meja di situ. Tertuduh Kedua kemudiannya memberitahu SP5 dia hendak melihat wang terlebih dahulu. SP5 telah membawa Tertuduh Kedua masuk ke dalam keretanya untuk menunjukkan wang sebelum berpatah balik ke meja tempat mereka berkumpul.
16. Di situ, Tertuduh Kedua telah memberitahu SP5 bahawa dia hanya ada 10 botol heroin dan 15 kilogram ganja dan harganya adalah RM24,750.00. Harga itu kemudiannya telah dinaikkan oleh Tertuduh Kedua ke RM31,500.00 setelah Tertuduh Pertama memberitahunya bahawa harga dadah adalah RM1,500.00 sekilogram dan tidak RM1,050.00 sebagaimana yang diberitahu oleh Tertuduh Kedua.

17. SP5 kemudiannya memberitahu Tertuduh Kedua dia hendak melihat barang yang dijanjikan. Tertuduh Kedua telah mengarahkan Tertuduh Ketiga membawa SP5 ke kereta Proton Saga ACF 4588. Tertuduh Ketiga telah membawa SP5 ke kereta tersebut dan telah menunjukkan kepada SP5 satu guni plastik putih di tempat duduk bahagian belakang kereta itu. SP5 telah memeriksa kandungan guni tersebut dan mendapatinya penuh dengan ketulan-ketulan plastik lutsinar yang disyaki mengandungi ganja.
18. Apabila SP5 bertanyakan tentang heroin yang dijanjikan, Tertuduh Ketiga telah mengambil satu bungkus dari celah pengadang cahaya di bahagian pemandu kereta ACF 4588 dan menyerahkannya kepada SP5. SP5 telah membuka bungkus itu dan mendapati di dalamnya sepuluh botol plastik yang dibungkus dengan kertas surat khabar berisi serbuk putih disyaki heroin. SP5 telah membungkus semula botol-botol plastik tersebut dan memasukkannya ke dalam guni plastik tadi. Dia telah meminta Tertuduh Ketiga mengunci semula kereta tersebut.
19. SP5 kemudiannya telah memberikan isyarat tangkapan kepada anggota-anggota tangkapan. Dengan isyarat itu SP7 dan anggotanya telah membuat serbuan dan menangkap keempat-empat tertuduh. Dalam pemeriksaan ke atas kereta tersebut, SP7 telah menjumpai di tempat duduk belakang kereta itu satu guni plastik berisi beberapa ketulan mampat disyaki ganja. Di

atas ketulan-ketulan itu SP7 mendapati satu bungkusan akhbar mengandungi sepuluh botol plastik yang setiap satunya mengandungi bahan yang disyaki heroin. SP7 kemudiannya telah membawa kesemua tertuduh bersama-sama dengan barang kes ke Balai Polis Tanah Merah.

20. Dadah ganja dan heroin yang dirampas telah dianalisa oleh Ahli Kimia, Abdullah Zayawi bin Muda (SP4). Setelah dianalisa, SP4 mendapati bahawa ganja tersebut adalah cannabis seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 ADB dan beratnya ialah 14,964.5 kilogram. SP4 juga mengesahkan bahawa dadah heroin tersebut adalah heroin seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 ADB dan beratnya adalah 7.94 gram.

Rayuan Pendakwa Raya

(i) Tertuduh Pertama

21. Seperti yang dinyatakan di permulaan tadi, Hakim Bicara di akhir kes pendakwaan telah membebaskan Tertuduh Pertama dan Keempat. Untuk kemudahan diperturunkan alasan mengapa Hakim Bicara berkeputusan sedemikian terhadap Tertuduh Pertama.

“... Pada 4.6.2003 SP5 dan SP6 telah berlepas ke perhentian teksi Rantau Panjang. Apa yang berlaku

dalam pertemuan di Rantau Panjang pada petang 4.6.2003 itu adalah amat relevan bagi menentukan penglibatan Tertuduh Pertama dalam pembekalan atau jual beli dadah-dadah yang dipersoalkan. Keterangan jelas menunjukkan dalam pertemuan di Rantau Panjang itu Tertuduh Pertama telah memperkenalkan SP5 kepada Tertuduh Kedua dan seorang lain bernama Yusof. Malahan Tertuduh Kedualah yang telah memberitahu SP5 bahawa dia hanya boleh bekalkan 15 kilogram ganja dan 15 botol heroin. Jika diperhatikan berat ganja atau cannabis yang ditawarkan tersebut adalah hampir sama berat dengan yang disita sebanyak 14,964.5 gram. Berdasarkan kepada fakta ini satu kesimpulan boleh dibuat bahawa walaupun Tertuduh Pertama yang telah merundingkan bekalan atau urusan jual beli cannabis tersebut pada peringkat awalnya tetapi apa yang nyata ketika rundingan itu dia tidak mempunyai milikan atau kawalan ke atas cannabis yang telah dijanjikan.”

22. Seterusnya Hakim Bicara mengatakan:-

“Berkenaan dengan heroin yang disita, saya mendapati tiada keterangan dikemukakan oleh pihak pendakwa bagi mengaitkan Tertuduh

Pertama dengan dadah tersebut. Pembekalannya tidak langsung disentuh dalam perbincangan-perbincangan sebelumnya di antara Tertuduh Pertama dengan SP5. Tawaran bekalan dadah tersebut telah dibuat pertama kalinya oleh Tertuduh Kedua dalam pertemuan di Rantau Panjang yang turut dihadiri oleh Tertuduh Pertama. Namun tiada keterangan yang menunjukkan dadah tersebut berada dalam milikan fizikal kedua-dua mereka pada ketika itu.

Begitu juga dengan 15 ketulan mampat ganja yang disita. Walaupun Tertuduh Pertama telah memulakan rundingan dengan SP5 bagi pembekalan dadah tersebut tetapi tiada keterangan yang menunjukkan dia mempunyai milikan ke atas dadah yang ditawarkan pada masa perbincangan itu. Jika diperhatikan dalam pertemuan di Rantau Panjang kuantiti ganja yang dapat dibekalkan oleh Tertuduh Kedua hanyalah seberat 15 kilogram, iaitu kuantiti sebenar yang dibekalkan. Saya juga mendapati tiada apa-apa bagi menunjukkan milikan fizikal atau pengetahuan Tertuduh Pertama mengenai dadah yang dibekalkan itu.”

23. Seterusnya Hakim Bicara merumuskan:-

“Walaupun Tertuduh Pertama turut hadir pada pertemuan pada malam itu yang menunjukkan kaitan di antara dadah-dadah yang dijanjikannya dengan dadah-dadah yang disita tersebut. Dia juga tidak berada dalam kereta di mana dadah-dadah yang dipersoalkan itu dijumpai. Dengan tiadanya keterangan yang menunjukkan Tertuduh Pertama mempunyai pengetahuan mengenai ganja (cannabis) dan heroin yang dijumpai dalam kereta tersebut, maka saya mendapati dia tidak boleh dikatakan mempunyai niat bersama bagi pengedaran cannabis yang dimaksudkan dalam pertuduhan pertama atau bagi pemilikan heroin yang dimaksudkan dalam pertuduhan kedua.”

24. Timbalan Pendakwa Raya, Awang Armadajaya bin Awang Mahmud dalam hujahnya menegaskan bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap Tertuduh Pertama memakai seksyen 34 Kanun Keseksaan. Menurutnya, dari keterangan yang dikemukakan terdapat perancangan terdahulu antara Tertuduh Pertama dengan tertuduh-tertuduh lain untuk membekalkan dadah-dadah berkenaan kepada SP5 dan SP6. Jadi, menurutnya, Tertuduh Pertama sewajarnya dipanggil membela diri, sama seperti Tertuduh Kedua dan Ketiga.

25. Peguam Tertuduh Pertama berhujah sebaliknya. Menurutnya, Hakim Bicara adalah tidak silap apabila membebas dan melepaskan Tertuduh Pertama tanpa dipanggil membela diri. Beliau menyokong alasan-alasan yang diberikan oleh Hakim Bicara.
26. Kami bersetuju dengan hujahan Timbalan Pendakwa Raya. Jelas di dalam kes ini Hakim Bicara adalah silap apabila membebaskan Tertuduh Pertama tanpa dipanggil membela diri. Kami dapati dari keterangan yang dikemukakan, Tertuduh Pertama adalah perancang utama dalam pengurusan jual beli dadah dengan SP5 dan SP6. Jelas, Tertuduh Pertama yang memulakan rundingan dengan SP5 dan SP6. Kemudiannya, Tertuduh Pertama yang memperkenalkan Tertuduh Kedua kepada SP5 dan SP6.
27. Dalam perundingan seterusnya, Tertuduh Pertama yang menelefon SP5 pada hari kejadian untuk mengatakan bahawa mereka tidak dapat menghantar barang ke Kota Bharu di mana SP5 dan SP6 menginap, sebaliknya meminta SP5 dan SP6 datang ke pam minyak Esso di Tanah Merah. Di sana Tertuduh Pertama dan Kedua telah memperkenalkan Tertuduh Ketiga kepada SP5 dan SP6. Kemudiannya, Tertuduh Pertama telah bersama-sama menaiki kereta SP5 mengekori kereta Tertuduh Ketiga yang membawa dadah-dadah seperti yang dijanjikan kepada SP5.

28. Dalam hal ini, Hakim Bicara adalah juga silap dalam pemakaian seksyen 34 Kanun Keseksaan. Undang-Undang mengenai pemakaian seksyen 34 Kanun telah dijelaskan dalam beberapa kes. Memadai kes Mahkamah Agong (pada masa itu) **Namasiyam Doraisamy v Public Prosecutor & Other Cases [1987] CLJ 241 (Rep) [1987] 1 CLJ 540** dirujuk dan dijadikan panduan. Di dalam kes tersebut, pemakaian seksyen 34 Kanun Keseksaan telah dibincangkan dengan sejelas-jelasnya. Diperturunkan petikan keputusan itu dalam bahasa asalnya yang berbunyi:-

“... The main ground touched upon by the fourth appellant’s counsel was that the learned Judge erred in law in failing to appreciate that the evidence adduced by the prosecution pertaining to “common intention” was far from satisfactory. In other words, it was the defence contention that the prosecution had failed to prove that the fourth appellant had committed the offence “in furtherance of the common intention” of all the four appellants and he should have been acquitted by the trial Judge at the close of the defence. Section 34 of the Penal Code states:

When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is

liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.

Where the prosecution case rest on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused. (The Supreme Court (of India) on Criminal Law (1950-1960) by J.K. Soonavala p. 188 to 193).”

29. Atas prinsip yang sama, berpandukan keterangan-keterangan yang dikemukakan dalam kes ini adalah jelas bahawa Tertuduh Pertama mempunyai niat bersama untuk melakukan kedua-dua kesalahan dengan Tertuduh Kedua dan Ketiga. Kesalahan-kesalahan itu dilakukan atas susulan perancangan terdahulu dengan Tertuduh Kedua dan Ketiga. Jadi, soal Tertuduh Pertama tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang dirampas dan dadah yang dirampas bukanlah dadah yang dirundingkan oleh Tertuduh Pertama pada pertama kali dia bertemu SP5 dan SP6 tidak harus menjadi isu. Ini adalah kerana perkara pokok yang dirunding oleh Tertuduh Pertama dengan SP5 dan SP6 adalah mengenai dadah. Selepas itu, Tertuduh Pertama sentiasa muncul dalam rentetan peristiwa sehinggalah dia ditangkap dan dadah-dadah dirampas di dalam kereta Proton Saga ACF 4588.
30. Jika rentetan peristiwa di dalam kes ini diambilkira dengan betulnya oleh Hakim Bicara, inferens yang boleh dibuat terhadap Tertuduh Pertama ialah bahawa terdapat perancangan terdahulu antara dia dengan Tertuduh Kedua dan Ketiga untuk membekalkan dadah-dadah berkenaan kepada SP5. Malah Tertuduh Pertama seperti yang dinyatakan awal tadi adalah perancang utama dalam transaksi pembekalan dadah-dadah tersebut kepada SP5 dan SP.
31. Jelas satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pihak pendakwa terhadap Tertuduh Pertama. Oleh itu sewajarnya

Tertuduh Pertama dipanggil membela diri di atas kedua-dua pertuduhan.

Tertuduh Keempat

32. Timbalan Pendakwa Raya mengemukakan hujahan yang sama terhadap Tertuduh Keempat. Menurutnya, Tertuduh Keempat juga terlibat dalam pembekalan/penjualan dadah-dadah berkenaan kepada SP5 dan SP6. Untuk menghayati hujahan Timbalan Pendakwa Raya, diperturunkan alasan Hakim Bicara dalam membebaskan Tertuduh Keempat:-

“Keterangan mengenai Tertuduh Keempat bermula dari pam minyak Esso Tanah Merah pada malam tangkapan. Dia telah datang ke situ bersama-sama Tertuduh Ketiga apabila Tertuduh Ketiga datang semula ke pam minyak tersebut dengan kereta Proton Saga setelah dia diarahkan oleh Tertuduh Kedua pergi mengambil dadah yang hendak dilihat oleh SP5. Tertuduh Keempat juga ada bersama-sama tertuduh-tuduh lain semasa mereka berhenti di warung tempat tangkapan. Keterangan lain terhadap Tertuduh Keempat adalah bahawa dia terlibat, atas arahan Tertuduh Kedua dalam pengiraan jumlah harga dadah-dadah yang dipersoalkan. Dia juga ada memberitahu SP6 bahawa bekalan akan datang Tertuduh Kedua

boleh mengarahkan Tertuduh Ketiga menghantarkan ganja hingga ke Johor Bahru.”

33. Kami berpendapat bahawa Hakim Bicara adalah tidak silap dari segi fakta atau undang-undang dalam melepaskan dan membebaskan Tertuduh Keempat di akhir kes pendakwaan. Keterangan yang ada terhadap Tertuduh Keempat ialah dia datang di tempat kejadian bersama-sama Tertuduh Ketiga. Kemudiannya, terdapat keterangan SP6 mengatakan Tertuduh Keempat terlibat, atas arahan Tertuduh Kedua, dalam pengiraan jumlah harga dadah-dadah tersebut. Menurut SP6, Tertuduh Keempat ada memberitahu bahawa bagi bekalan akan datang Tertuduh Kedua boleh mengarahkan Tertuduh Ketiga menghantar ganja hingga ke Johor Bahru.
34. Hakim Bicara mendapati keterangan-keterangan di atas adalah tidak mencukupi untuk menimbulkan kes *prima facie* terhadap Tertuduh Keempat. Kami bersetuju. Di peringkat di akhir kes pendakwaan, persoalan yang perlu ditanya sebelum seseorang tertuduh dipanggil membela diri ialah sama ada seseorang tertuduh itu boleh disabitkan atas kesalahan yang dihadapinya jika dia memilih untuk berdiam diri. Jika tidak boleh, maka sewajarnya tertuduh itu dilepaskan dan dibebaskan (lihat **Mat v Public Prosecutor [1963] MLJ 263**).
35. Di dalam kes ini, persoalannya ialah sama ada Mahkamah bersedia menjatuhkan hukuman gantung terhadap Tertuduh

Keempat seandainya dia diperintahkan membela diri dan kemudiannya memilih untuk berdiam diri? Kami dapati, atas keterangan yang ada terhadap Tertuduh Keempat, kami tidak bersedia untuk berbuat sedemikian. Di dalam kes ini, keterangan adalah tidak mencukupi untuk dibuat inferens bahawa Tertuduh Keempat mempunyai niat bersama dengan Tertuduh Pertama, Kedua dan Ketiga dalam pengedaran atau pemilikan dadah-dadah tersebut. Pada kami, penglibatan Tertuduh Keempat adalah terlalu minima dan adalah tidak selamat untuk memanggilnya membela diri.

36. Dengan itu, kami menolak rayuan Timbalan Pendakwa Raya terhadap Tertuduh Keempat. Keputusan Hakim Bicara dalam membebaskan dan melepaskan Tertuduh Keempat adalah dikekalkan.

Rayuan Tertuduh Kedua dan Ketiga

37. Seperti yang dinyatakan di permulaan penghakiman ini, Tertuduh Kedua dan Ketiga di akhir kes pendakwaan telah dipanggil untuk membela diri. Hakim Bicara telah mendapati bahawa, walaupun Tertuduh Kedua tidak terlibat dalam perundingan awal bagi bekalan dadah-dadah tersebut, tetapi semasa pertemuannya dengan SP5 dan SP6 dengan dihadiri sekali oleh Tertuduh Pertama, Tertuduh Kedua yang memberitahu SP5 bahawa hanya 15 kilogram ganja yang boleh dibekalkan di samping menawarkan 15 botol heroin.

38. Hakim Bicara juga mendapati bahawa walaupun Tertuduh Pertama yang menjanjikan bekalan 40 kilogram ganja kepada SP5 tetapi Tertuduh Kedua yang telah memutuskan rundingan. Tertuduh Kedua yang telah meminta untuk melihat wang belian dadah daripada SP5 dan kemudiannya menyuruh Tertuduh Ketiga membawa SP5 ke keretanya untuk menunjukkan dadah-dadah tersebut kepada SP5.
39. Atas keterangan tersebut, Hakim Bicara berpendapat bahawa Tertuduh Kedua mempunyai kaitan dengan dadah-dadah yang dirampas. Dia mempunyai kawalan dan pengetahuan ke atas dadah-dadah tersebut dan memainkan peranan aktif dalam pembekalan dan urusan jual beli dadah-dadah tersebut. Kesimpulan yang dibuat oleh Hakim Bicara ialah memang wujud suatu rancangan terdahulu dan niat bersama Tertuduh Kedua dan Ketiga dalam pembekalan dadah-dadah tersebut kepada SP5 pada malam tangkapan itu.
40. Mengenai Tertuduh Ketiga, Hakim Bicara mendapati bahawa Tertuduh Ketiga terlibat secara langsung dalam pengangkutan dan penghantaran dadah-dadah tersebut kepada SP5. Ini adalah kerana Tertuduh Ketiga turut berada di stesyen minyak Esso Tanah Merah pada malam kejadian bersama Tertuduh Pertama dan Kedua. Apabila ditanya oleh SP5 mengenai 'barang', Tertuduh Ketiga yang meminta SP5 menunggu sementara dia pergi mengambilnya. Kemudiannya, Tertuduh

Ketiga telah datang dengan sebuah kereta Proton Saga ACF 4588 di mana dadah-dadah yang dirampas dijumpai.

41. Hakim Bicara juga mendapati bahawa Tertuduh Ketiga yang membawa SP5 ke kereta Proton Saga ACF 4588 dan menunjukkan guni plastik yang mengandungi cannabis. Tertuduh Ketiga juga telah menyerahkan bungkusan yang mengandungi heroin kepada SP5. Jadi menurut Hakim Bicara, Tertuduh Ketiga mempunyai pengetahuan mengenai cannabis yang terkandung dalam guni plastik dan serbuk putih heroin dalam 10 botol itu. Menurut Hakim Bicara lagi, tujuan Tertuduh Ketiga mengangkut dadah-dadah tersebut pada malam itu adalah untuk penyerahan kepada SP5 dalam urusan jual beli dadah-dadah tersebut dan terdapat perancangan terdahulu antara Tertuduh Ketiga dan Kedua dalam urusan jual beli dadah-dadah tersebut dengan SP5.
42. Kami bersetuju dengan Hakim Bicara bahawa terdapat kes *prima facie* terhadap Tertuduh Kedua dan Ketiga. Keputusan Hakim Bicara memerintahkan mereka membela diri adalah tepat dan wajar.
43. Tertuduh Kedua dan Ketiga apabila diperintahkan membela diri, telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Di samping itu, Tertuduh Keempat turut memberi keterangan sebagai saksi pembelaan.

44. Tertuduh Kedua di dalam keterangannya mengaku ada berjumpa dengan SP5 dan SP6. Menurutnya, pada 4 Jun 2003, dia berjumpa SP5 dan SP6 dengan kehadiran abangnya Yusof dan Tertuduh Pertama di stesyen teksi Rantau Panjang. Menurutnya, dia telah pergi ke situ atas permintaan abangnya yang hendak balik ke Golok.
45. Menurutnya, selepas pertemuan itu, mereka bertiga telah balik ke Golok. Tertuduh Kedua telah terlebih dahulu menghantar Tertuduh Pertama ke rumahnya di Golok. Selepas itu, mereka balik ke rumah masing-masing.
46. Seterusnya, Tertuduh Kedua telah menyatakan bahawa pada sebelah malamnya, atas permintaan abangnya Yusof, dia telah pergi semula ke rumah Tertuduh Pertama. Tertuduh Pertama memberitahunya supaya membawa dia ke Kota Bharu. Tertuduh Kedua memberitahu tidak mahu pergi ke Kota Bharu sebab dia hendak ke Tanah Merah untuk melihat kedai. Tertuduh Pertama telah mengikutnya ke Tanah Merah. Apabila sampai di Tanah Merah, Tertuduh Pertama telah mengajaknya pergi ke stesyen minyak Esso. Di sana mereka bertemu Tertuduh Ketiga.
47. Seterusnya, Tertuduh Kedua menyatakan bahawa dari stesyen minyak Esso, dia dan Tertuduh Pertama dengan menaiki kereta Proton Perdana yang dipandu oleh SP5 telah pergi ke kedai makan (warung). Menurutnya, Tertuduh Ketiga menaiki

keretanya sendiri untuk pergi ke warung yang sama. Mereka telah sampai dahulu dan Tertuduh Ketiga hanya sampai setengah jam kemudian. Apabila Tertuduh Ketiga sampai mereka ditangkap polis.

48. Tertuduh Ketiga pula dalam keterangannya menyatakan bahawa dia telah mengenali Tertuduh Kedua lebih kurang setahun. Dia mengakui memang ada guni dijumpai dalam keretanya pada malam tangkapan itu. Tetapi menurutnya, guni itu telah dihantar berhampiran rumahnya oleh seorang bernama Dali yang memintanya menyimpan guni itu untuk Tertuduh Pertama. Menurutnyanya, dia tidak pernah membuka guni itu sebagaimana diamanahkan. Menurutnyanya lagi, pada malam kejadian dia ada menghantar Tertuduh Pertama, Kedua dan Keempat ke stesyen minyak Esso di Tanah Merah. Setelah sampai di stesyen minyak itu, ketiga-tiga mereka telah turun dan Tertuduh Pertama telah mengarahkannya mengambil guni yang disimpannya untuk dibawa ke Batu 1 Jalan Tanah Merah/Pasir Mas. Apabila sampai di warung, dia telah ditangkap semasa turun dari kereta.
49. Tertuduh Keempat, Miss Chepatchanee yang turut memberi keterangan bagi pihak pembelaan menyatakan bahawa dia adalah bekas isteri Tertuduh Kedua. Mereka bercerai pada tahun 2000. Mereka telah berjumpa semula dan hendak cari kedai sebab mereka bercadang untuk membuka kedai makan di Tanah Merah. Menurutnyanya, pada 4 Jun 2003, di sebelah

malam, Tertuduh Kedua telah mengambilnya di rumah dengan keretanya untuk tengok kedai di Tanah Merah. Tertuduh Pertama yang tidak dikenalnya turut sama. Semasa berada di sebuah kedai di Tanah Merah, Tertuduh Ketiga telah datang dan menghantarnya ke stesyen minyak Esso dan meninggalkannya di situ. Dari situ dia telah menaiki sebuah kereta lain bersama Tertuduh Pertama, Kedua dan dua orang lagi yang tidak dikenalnya. Apabila Tertuduh Ketiga sampai, mereka semua telah ditangkap.

50. Hakim Bicara dalam menilai pembelaan Tertuduh Kedua telah mendapati bahawa Tertuduh Kedua telah berbohong ketika memberi keterangan. Hakim Bicara tidak mempercayai keterangan Tertuduh Kedua yang menyatakan pertemuan dia dengan SP5 dan SP6 pada 4 Jun 2003 adalah secara kebetulan. Hakim Bicara menyatakan:-

“Keterangan Tertuduh Kedua ini seolah-olah menunjukkan bahawa pertemuannya dengan SP5 dan SP6 di Rantau Panjang pada hari itu adalah secara kebetulan sahaja. Setelah menilai keterangan di hadapan Mahkamah pada keseluruhannya saya mendapati penjelasan yang diberikan oleh Tertuduh Kedua tentang kehadirannya di Rantau Panjang itu tidak dapat diterima akal. Jika diperhatikan keterangan yang tidak dinafikan oleh pihak pembelaan dan diakui

oleh tertuduh-tertuduh, termasuk Tertuduh Pertama, juga menunjukkan Tertuduh Kedua sekali lagi bertemu dengan SP5 dan SP6 di pam minyak Esso Tanah Merah pada sebelah malamnya. Adalah tidak mungkin bahawa pertemuan kedua ini juga suatu kebetulan sahaja. Pada pendapat saya satu-satunya inferens yang boleh dibuat daripada fakta-fakta ini adalah bahawa kedua-dua pertemuan tersebut telah diatur dan dirancang terlebih dahulu.”

51. Hakim Bicara juga tidak dapat menerima penjelasan Tertuduh Kedua mengenai pemergiannya ke Tanah Merah pada malam kejadian. Hakim Bicara menyatakan:-

“Saya juga mendapati bahawa penjelasan yang diberikannya bahawa tujuannya ke Tanah Merah pada malam itu adalah untuk menemui Tertuduh Ketiga semula untuk menguruskan penyewaan kedai adalah amat tidak munasabah setelah mengambilkira dia telah menjumpai Tertuduh Ketiga pada petang hari itu, dan juga peristiwa yang berlaku seterusnya pada malam itu. Mengikut Tertuduh Kedua dialah yang membuat temujanji dengan Tertuduh Ketiga untuk melihat kedai pada malam itu sedangkan Tertuduh Pertama mengatakan dia hendak ke Kota Bharu. Apa yang anehnya jika dia yang membuat temujanji dengan

Tertuduh Ketiga untuk melihat kedai pada malam itu kenapa pula dia mengatakan Tertuduh Pertama yang mengajaknya naik kereta Tertuduh Ketiga ke pam minyak Esso pada malam itu di mana mereka telah berjumpa dengan SP5 dan SP6 sekali lagi. Adalah amat tidak mungkin bahawa pertemuan di antara Tertuduh Kedua dengan SP5 dan SP6 sekali lagi pada malam itu secara kebetulan juga”.

52. Hakim Bicara juga tidak dapat menerima keterangan Tertuduh Kedua yang mendakwa dia tidak terlibat dalam apa-apa perbincangan dan tidak tahu menahu mengenai pembekalan dadah yang dirampas pada malam tersebut. Hakim Bicara berpendapat:-

“Jika benar tujuannya ke Tanah Merah pada malam itu adalah untuk bertemu dengan Tertuduh Ketiga untuk melihat kedai sewa tidak mungkin Tertuduh Pertama yang mengajak dia menaiki kereta Tertuduh Ketiga untuk ke pam minyak Esso kerana menurutnya dialah yang membuat temujanjaji untuk bertemu dengan Tertuduh Ketiga pada malam itu. Adalah juga tidak mungkin baginya untuk menurut kehendak Tertuduh Pertama supaya dia menaiki kereta Tertuduh Ketiga ke pam minyak Esso sebelum disuruh menaiki kereta SP5 menuju ke gerai tempat tangkapan.”

53. Kesimpulan Hakim Bicara mengenai pembelaan Tertuduh Kedua adalah:-

“Persoalan-persoalan yang tidak terjawab ini jelas menunjukkan bahawa Tertuduh Kedua telah berbohong dalam pembelaannya mengenai tujuannya ke Tanah Merah pada malam itu. Dengan yang demikian saya juga mendapati keterangan-keterangannya yang lain juga tidak boleh dipercayai setelah menimbangkan dan menilainya dengan keterangan pihak pendakwaan dan keseluruhan hal keadaan kes. Atas alasan yang sama saya juga mendapati pembelaan Tertuduh Kedua juga tidak menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan mengenai kawalan dan pengetahuan tertuduh itu ke atas dadah-dadah yang dipersoalkan dan niat bersamanya dalam pengedaran cannabis yang dimaksudkan dalam pertuduhan pertama, dan milikan heroin yang menjadi hal perkara pertuduhan kedua.”

54. Hakim Bicara juga tidak dapat menerima pembelaan Tertuduh Ketiga. Hakim Bicara menjelaskan:-

“Mengenai Tertuduh Ketiga, walaupun tidak terdapat keterangan yang menunjukkan

penglibatannya dalam rundingan jual beli dadah-dadah yang dipersoalkan itu pada awalnya tetapi penglibatannya dalam pengangkutan (transporting) dan penghantaran (delivery) dadah-dadah yang dipersoalkan itu kepada SP5 menunjukkan terdapatnya suatu niat bersama di pihaknya dengan Tertuduh Kedua untuk melakukan kesalahan pengedaran dadah-dadah tersebut.”

55. Mengenai isu pengetahuan Tertuduh Ketiga akan dadah yang dirampas itu, Hakim Bicara menyatakan:-

“Tertuduh Ketiga tidak menafikan menyimpan guni yang mengandungi ganja yang dipersoalkan itu dan bahawa guni tersebut juga telah dijumpai dalam keretanya pada malam tangkapan tersebut. Pembelaannya bagi pertuduhan pertama adalah bahawa dia tidak mempunyai apa-apa pengetahuan mengenai ganja yang terkandung dalam guni P8A. Dalam hal ini saya juga mendapati penjelasannya mengenai guni tersebut adalah amat tidak munasabah untuk dipercayai. Dia mengatakan guni itu telah dihantar ke rumahnya untuk Tertuduh Pertama. Jika benar guni itu dihantar oleh Dali untuk Tertuduh Pertama adalah mustahil baginya tidak bertanyakan kandungan guni itu lebih-lebih lagi dia tidak mengenali Tertuduh Pertama. Lihat

bahagian keterangannya yang lain pula. Dia menyatakan telah mengenali Tertuduh Kedua lebih kurang satu tahun. Pada sebelah siangnya dia ada berjumpa dengan Tertuduh kedua untuk tengok kedai sewa di Bt 6 Tanah Merah tetapi tak sempat dan mereka berjumpa semula pada sebelah malam. Apa yang menarik perhatian pada malam itu dia bukan sahaja telah berjumpa dengan Tertuduh Kedua tetapi juga dengan Tertuduh Pertama.

Keterangannya itu jelas menunjukkan bahawa dia telah berjumpa dengan Tertuduh Pertama, yang dikatakannya tuan punya guni itu, secara kebetulan sahaja kerana dia turut berada dengan Tertuduh Kedua. Saya mendapati adalah amat tidak mungkin bahawa Tertuduh Ketiga telah dipertemukan dengan tuan punya guni yang dikatakannya itu oleh Tertuduh Kedua. Menurut Tertuduh Kedua dia juga baru mengenali Tertuduh Pertama pada hari itu, dan Tertuduh Pertama pula dikatakan hendak ke Kota Bharu. Begitu juga tiada penjelasan diberikan oleh Tertuduh Ketiga kenapa dia membawa tertuduh-tertuduh yang lain ke pam minyak Esso dan tidak membawa Tertuduh Kedua dan Keempat ke Batu 6 jika benar mereka hendak pergi melihat kedai sewa di situ”.

56. Hakim Bicara kemudiannya merumuskan bahawa Tertuduh Ketiga telah berbohong dalam keterangannya mengenai tujuannya ke Tanah Merah pada malam itu dan juga mengenai guni yang dijumpai di dalam keretanya. Sebaliknya Hakim Bicara menerima keterangan SP5 mengenai penglibatan Tertuduh Ketiga di dalam kes ini. Hakim Bicara menyatakan:-

“Sebaliknya saya menerima keterangan SP5 bahawa Tertuduh Ketiga yang telah pergi mengambil dadah-dadah yang dipersoalkan dan kemudiannya menunjukkan guni plastik P8A berserta dengan kandungannya P8B1 – P9P1 di tempat duduk belakang keretanya. Dia juga yang telah mengambil bungkusan P9B yang di dalamnya didapati botol-botol P9B1 – P9B10 yang mengandungi heroin yang dipersoalkan dari kereta yang dipandunya itu. Atas alasan yang sama saya juga mendapati pembelaan Tertuduh Ketiga tidak menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan mengenai kawalan dan pengetahuan tertuduh ke atas dadah-dadah yang dipersoalkan dan niat bersamanya dalam pengedaran cannabis yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama, dan milikan heroin yang menjadi hal perkara pertuduhan kedua.”

57. En. Mohd Firuz Jaffri, peguam bijaksana untuk Tertuduh Kedua telah berhujah bahawa Hakim Bicara telah gagal menimbangkan sepenuhnya pembelaan yang dikemukakan oleh Tertuduh Kedua. Menurut En. Mohd Firuz, Hakim Bicara tidak mengambilkira percakapan beramaran Tertuduh Kedua yang adalah konsisten dengan keterangan Tertuduh Kedua di Mahkamah. Menurutnya lagi, keterangan SP4 dan percakapan beramaran SP4 juga tidak diambilkira oleh Hakim Bicara dalam menilai pembelaan Tertuduh Kedua. Jadi menurutnya, jika semua itu diambilkira maka pembelaan Tertuduh Kedua setidak-tidaknya telah menimbulkan keraguan yang munasabah yang membolehkan Tertuduh Kedua dilepaskan dan dibebaskan.
58. Manakala En. N. Sivanesan, peguam bijaksana untuk Tertuduh Ketiga telah membangkitkan beberapa isu, tetapi isu utama yang menjadi sandarannya ialah tentang kewujudan Dali. Menurut En. Sivanesan, Dali memainkan peranan penting dalam kes ini, dan kewujudan Dali tidak dicabar oleh pihak pendakwa. Jadi menurutnya, pihak pendakwa menerima hakikat bahawa guni yang mengandungi dadah adalah kepunyaan Dali. Dengan itu sewajarnya Tertuduh Ketiga dilepaskan dan dibebaskan kerana dadah yang dirampas bukanlah kepunyaan Tertuduh Ketiga.
59. Dengan hormatnya kami tidak dapat bersetuju. Sebaliknya kami bersetuju sepenuhnya dengan keputusan Hakim Bicara.

Kami dapati tidak ada cacatnya alasan-alasan yang diberikan oleh Hakim Bicara. Mengenai pembelaan Tertuduh Kedua, adalah benar Hakim Bicara tidak merujuk kepada percakapan beramaran Tertuduh Kedua. Persoalannya, adakah perkara ini dengan sendirinya menyebabkan sabitan terhadap Tertuduh Kedua menjadi batal.

60. Kami tidak dapat menyatakan demikian. Ini adalah kerana apabila percakapan beramaran Tertuduh Kedua diteliti, adalah didapati bahawa apa yang dikatakan oleh Tertuduh Kedua adalah sama dengan apa yang dikatakan semasa perbicaraan. Begitu juga dengan keterangan Tertuduh Keempat dan percakapan beramarannya yang menyatakan perkara yang sama. Adalah tidak perlu Hakim Bicara merujuk kepada keterangan-keterangan itu satu persatu. Hakikatnya ialah Hakim Bicara tidak dapat menerimanya. Asasnya ialah kerana Hakim Bicara mendapati keterangan Tertuduh Kedua dan keterangan Tertuduh Keempat tidak boleh dipercayai apabila diuji dengan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa.
61. Kami juga tidak dapat menerima hujahan yang dikemukakan oleh En. Sivanesan. Hakim Bicara telah menjelaskan dengan panjang lebar mengapa beliau tidak menerima pembelaan Tertuduh Ketiga yang mendakwa bahawa guni yang mengandungi ganja tersebut itu adalah kepunyaan Dali. Kami bersetuju dengan alasan-alasan yang diberikan dan ingin

menambah bahawa adalah mustahil untuk Tertuduh Ketiga mengatakan beliau tidak mengetahui isi kandungan guni tersebut. Rentetan peristiwa yang berlaku dalam kes ini tidak menyokong dakwaan Tertuduh Ketiga itu. Sebaliknya, keterangan yang terdapat dalam kes ini menunjukkan bukan sahaja Tertuduh Ketiga mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dirampas, tetapi terlibat sama dalam rancangan untuk membekal dan menjual dadah yang dirampas kepada SP5 dan SP6.

62. Keseluruhannya, kami dapati Hakim Bicara telah mengupas fakta kes ini dengan teliti dan tidak sekali melakukan salah arah dan melakukan ketidakadilan apabila menolak pembelaan Tertuduh Kedua dan Ketiga. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa keputusan Hakim Bicara tentang kebolehpercayaan seseorang saksi tidak sepatutnya diubah oleh Mahkamah di peringkat rayuan melainkan dapat ditunjukkan bahawa sesuatu keputusan itu adalah bertentangan dengan keterangan atau berlakunya salah arah yang menyebabkan ketidakadilan.
63. Telah banyak kes yang membincangkan prinsip ini dan memadai kami perturunkan apa yang dikatakan oleh Chang Min Tat F.J yang menulis untuk Mahkamah Persekutuan dalam kes **Ahmad Shah bin Hashim v PP [1980] 1 MLJ 77** yang dalam Bahasa asal menyatakan:-

“We are however satisfied that he had made the same representation to the learned judge, who had considered them and who had on the totality of the evidence combined with his personal assessment of witnesses’ reliability from seeing him in the witness box come to the finding he did make. Under such circumstances, where the findings depend on an assessment of the credibility and reliability of a witness, it is not the practice of this court sitting on appeal to refuse to accept them”.

64. Sama juga dalam kes ini. Kami tidak ada sebab untuk merubah keputusan Hakim Bicara yang menolak keterangan saksi-saksi pembelaan dan sebaliknya menerima keterangan saksi-saksi pihak pendakwa. Dalam hal ini, Hakim Bicara telah memberi alasan-alasan yang cukup meyakinkan mengapa beliau berkeputusan sedemikian. Keputusan itu adalah selari dengan keterangan-keterangan yang terdapat di dalam kes ini. Jelas tidak berlaku salah arah di pihak Hakim Bicara yang boleh menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada Tertuduh Kedua dan Ketiga.
65. Kesimpulannya, kami telah meneliti alasan penghakiman Hakim Bicara serta nota keterangan kes ini dan kami berpuas hati di atas keterangan yang ada bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap Tertuduh Kedua dan Ketiga bagi pertuduhan pertama dan kedua dengan

melampaui keraguan yang munasabah. Pembelaan Tertuduh Kedua dan Ketiga bukan sahaja tidak boleh diterima tetapi juga gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

66. Pada kami, sabitan terhadap Tertuduh Pertama dan Kedua di atas kedua-dua pertuduhan adalah selamat. Dengan itu, rayuan Tertuduh Kedua dan Ketiga adalah ditolak. Sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadap mereka ke atas kedua-dua pertuduhan adalah disahkan.

Bertarikh 26 Jun 2009.

Raus Sharif
Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia

Counsel for the appellant: En. Awg Armadajaya bin Awg Mahmud

Solicitors for the appellant: Attorney General Chambers

Counsel for the 1st, 2nd and 4th respondents: En. Mohd Firuz bin Jaffril
En. Azahir bin Nasir

Solicitors for the 1st, 2nd and 4th respondents: Tetuan V. Samynathan & Co
Tetuan Azahir Suraine & Azizan Ariff

Counsel for the 3rd respondent: En. V. Samynathan
En. Sivanesan

Solicitors for the 3rd respondent: Tetuan V. Samynathan & Co